

J. P.U. 25.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN  
PELUPUSAN SAMPAH-SARAP (MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Akta 17/85

Nama  
pemakaian  
dan mula  
berkuatkuasa.

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Kota Tinggi) 1985 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Kota Tinggi.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb. Mac, 1985.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“bahan buangan” termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pergilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

“buangan perdagangan” ertiya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

“buangan perindustrian” ertiya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti perindustrian;

"najis" termasuk najis manusia, najis binatang dan bangkai binatang;

"Yang Dipertua" ertiannya Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

"sampah-sarap taman" termasuk daun, jejalar rumput, pokok dahan atau tanah dari taman atau pekarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

"sampah-sarap isi rumah" ertiannya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah-sarap taman atau bahan-bahan buangan bangunan;

"kereta" ertiannya termasuk mana-mana jenis kenderaan bermotor.

Tong sampah-sarap isi rumah hendaklah disediakan dan diselenggarakan.

3. (1) Penduduk tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan tong sampah dengan berbibir tutup rapat tidak lebih daripada satu meter pada isipadunya.

(2) Semua sampah-sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Apa-apa kaca pecah, tin dan lain-lain benda yang tajam tepinya hendaklah dibungkus elok-elok dan dimasukkan ke dalam bekas gunahabis yang berasingan dan diletakkan dekat dengan tong sampah untuk dipungut.

(4) Tong sampah rumah bolehlah diletakkan di tepi arked atau verandah, di sebelah luar pagar, di lorong belakang atau pada mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudah mengosongkan tong oleh Majlis Daerah Kota Tinggi.

Sampah di bangunan berbilangan tingkat.

4. (1) Di bangunan berbilangan tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan Perbadanan Pengurusan bangunan atau, jika tidak ada perbadanan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kebok sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadankan kebok sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Penduduk hendaklah pada setiap masa menyelenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebok sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebok sampah tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya baik, Majlis Daerah Kota Tinggi boleh meneruskan tindakan untuk menggantikan, membaiki atau meremedikan apa-apa kecacatan dan hendaklah menuntut amaan yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Akta 171.

Sampah-sarap taman.

5. Sampah-sarap taman boleh dipungut oleh Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dibayar suatu fee.

6. (1) Sesebuah establishmen perindustrian atau perdagangan hendaklah, setelah mendapat kebenaran bertulis Yang Dipertua dan membayar suatu fee, membuang apa-apa buangan perindustriannya atau buangan perdagangan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis Daerah Kota Tinggi.

Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan.

(2) Majlis Daerah Kota Tinggi boleh membuang apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan dengan dibayar suatu fee.

7. (1) Apa-apa kereta buruk dan tidak berguna hendaklah dibuang oleh pemunya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah itu.

Membuang kereta buruk dan tidak berguna.

(2) Majlis Daerah Kota Tinggi boleh membuangkan kereta itu dengan syarat pemunya membayar suatu fee.

8. Tiada seseorang pun boleh mengais atau menyelongkar atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menyerakkan apa-apa jua isi kandungan, mana-mana tong sampah.

Dilarang menganggu isi kandungan tong.

9. Tiada seseorang pun boleh membakar apa-apa bahan buangan pada masa yang tidak munasabah atau di tempat-tempat yang mungkin menyebabkan kacauganggu atau kegusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

Dilarang membakar bahan buangan.

10. (1) Apa-apa bahan binaan, arangbatu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang buangan perindustrian.

Dilarang membuang arangbatu bakar, bahan letupan dan najis.

(2) Apa-apa najis tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan di mana-mana satu tempat menanam najis yang diselenggarakan oleh Majlis Daerah Kota Tinggi.

11. Amaun fee yang kena dibayar di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

12. Tiap-tiap orang yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau denda dan penjara kedua-duanya sekali.

13. (a) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis Daerah Kota Tinggi yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang kecil ini.

Kuasa mengkompaun.

(b) Jumlah yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

(c) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan

bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerimaan Sahaja".

(d) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Daerah Kota Tinggi dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

Borang bagi  
tawaran  
meng-  
kompaun.

(e) Borang dalam Jadual Pertama mestilah digunakan bagi mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

#### JADUAL PERTAMA

##### TAWARAN MENGKOMPAUN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH-SARAP (MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1985

Kepada:

.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Rujukan.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan/kesalahan-kesalahan di bawah undang kecil....., Undang-Undang Kecil Pemungutan Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Kota Tinggi) 1985.

Tarikh..... Waktu..... Tempat.....

Butir-butir kesalahan/kesalahan-kesalahan:

.....  
.....  
.....  
2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya di bawah Undang-undang Kecil 13, saya bersedia untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$..... (Ringgit.....

.....). Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi kepada pejabat yang dinyatakan di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan ini terus berkuatkuasa hingga pada..... Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutup urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu.

4. Jika tawaran untuk mengkompaun ini tidak disetuju terima atau jumlah wang yang ditawarkan itu tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan di dalam perenggan 3, tawaran ini hendaklah dianggap telah ditarik balik dan kamu bolch dikenakan dakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....hb.....19.....

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

## JADUAL KEDUA

<i>Jenis sampah-sarap</i>	<i>Fee yang kena dibayar</i>
Sampah-sarap taman ... ...	\$40.00 satu lori.
Buangan perindustrian ... ...	\$40.00 satu lori.
Permit bagi buangan perindustrian	\$30.00 sebulan satu lori dan \$2.00 satu trip di mana berat muatan maksima yang dibenarkan itu adalah di bawah 5 tan atau \$3.00 jika 5 tan ke atas.
Kereta buruk ... ...	Kos yang sebenar atau kos minima sebanyak \$80.00 bagi satu kereta.

Diperbuat pada 29hb. Januari, 1985.  
[(4) MDKT/AM/86-1F.]

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Disahkan pada 23hb. Februari, 1985.  
[KT. 14/17/11.]

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD,  
DPMJ., DGSM., PIS.  
Menteri Besar, Johor

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) BY-LAWS 1985

IN exercise of the powers conferred by sections 73 and 102 of the Local Government Act 1976, the President of the Kota Tinggi District Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

1. (1) These by-laws may be cited as the Refuse Collection, Removal and Disposal (Kota Tinggi District Council) By-laws 1985 and shall apply only to the Kota Tinggi District Council. Citation application and commencement.
  2. (2) These by-laws shall come into force on the First of March, 1985.
2. In these by-laws unless the context otherwise requires:
- “commercial waste” means any waste matter generated by any commercial activity;
  - “excreta” includes human excreta, animal excreta and carcasses;
  - “President” means the President of the Majlis Daerah Kota Tinggi and includes the Deputy President;
  - “garden refuse” includes leaves, grass creepers, trees, branches or earth from a garden or lawn of any house or building or if there is no house or building, from any land;
  - “household refuse” means any waste matter generated from a house but does not include garden refuse or waste building materials;
  - “industrial waste” means any waste matter generated from any industrial activity;

Interpretation

"waste matter" includes any by-product, article or goods rejected or damaged in the process of manufacture, with or without commercial value;

"vehicle" includes any vehicle mechanically driven.

Household  
refuse bin  
to be  
provided  
and main-  
tained.

3. (1) The occupier of every house shall provide and maintain refuse bins with close fitting lids of not more than one metre in volume.

(2) All household refuse shall be put into plastic bags to be securely fastened before being put into the refuse bins.

(3) Any broken glass, cans and other objects with cutting edges shall be safely wrapped and put in a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bin for collection.

(4) The household refuse bin may be placed on the edge of the arcade or verandah, outside the gate, on a backlane or at any other convenient place within the compound of the house to facilitate the emptying of the bins by the Majlis Daerah Kota Tinggi.

Refuse in the  
Multi-storey  
buildings.

4. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or if there is no such corporation the occupier of the building shall provide and maintained a refuse bin which shall be placed in the refuse chamber.

(2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.

(3) The occupier shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.

(4) Where the refuse bin, the refuse chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the President may proceed to replace, repair or remedy any defect and shall recover the amount spent in the manner provided in the Local Government Act 1976.

*Act 171.*

Garden  
refuse.

5. Garden refuse may be collected by the Majlis Daerah Kota Tinggi on payment of a fee.

Removal of  
industrial  
waste and  
commercial  
waste.

6. (1) An industrial or commercial establishment shall, after having obtainde a written permission of the President and on payment of a fee, dispose its industrial or commercial waste at one of the dumping grounds maintained by the Majlis Daerah Kota Tinggi.

(2) The Majlis Daerah Kota Tinggi may dispose such industrial or commercial waste on payment of a fee.

Removal of  
derelict and  
unwanted  
vehicle.

7. (1) Any derelict and unwanted vehicles shall be disposed at one of the dumping grounds by the owner.

(2) The President may dispose such vehicles on payment of a fee by the owner.

8. No one shall rake or grub in, or remove anything from, or spill or scatter any of the contents of, any refuse bin. Prohibition on tampering with contents of bins.
9. No one shall burn any waste material at unreasonable times or places which may cause nuisance or annoyance to any neighbour or the Public. Prohibition on burning of waste material.
10. (1) Any building material, burning charcoal, highly inflammable or explosive substance shall not be put into domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed of in the manner provided for the removal of industrial waste. Prohibition on the disposal of burning charcoal, explosive substance and excreta.
- (2) Any excreta shall not be put into domestic bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed of at one of the trenching grounds maintained by the Kota Tinggi District Council.
11. The amount of fees payable under this By-laws shall be as prescribed in the Second Schedule. Fees.
12. Every person who contravenes any of these by-laws commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding the sum of two hundred and fifty ringgit or to imprisonment not exceeding three months or to both such fine and imprisonment. Penalty.
13. (a) The President or any other officer of the Council duly authorised thereto by the President may in his discretion compound any offence under those by-laws. Power to compound.
- (b) The sum of money to be collected for compounding an offence shall not exceed two hundred and fifty ringgit. Sum to be collected and method of payment.
- (c) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order, or banker's draft made payable to the President of the Majlis Daerah Kota Tinggi and crossed "Account Payee Only".
- (d) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Majlis Daerah Kota Tinggi and an official receipt must be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.
- (e) The form in the First Schedule must be used for making an offer to compound but may be modified as necessary. Form for offer to compound.

#### FIRST SCHEDULE

##### OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE UNDER THE REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL (MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) BY-LAWS 1985

To:

.....  
.....  
.....

Sir/Madam,

Reference.....

It appears to me, on information/complaint received, that you have

committed an offence/offences under by-law..... of the Refuse Collection, Removal and Disposal (Majlis Daerah Kota Tinggi) By-laws 1983.

Date..... Time..... Place.....

Particular of offence/offences.....

2. You are hereby informed that by virtue of the authority conferred on me under by-law 13, I am prepared to compound this offence/offences for the sum of..... (Ringgit.....)

.....). If this offer is accepted payment should be made by cash or money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the President of the Kota Tinggi District Council to the office quoted above and an official receipt will be issued.

3. This offer to compound to offence/offences remains in force until on..... If full payment of the sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence.

4. If the offer to compound is not accepted or the sum offered is not received within the time prescribed in paragraph 3, the offer shall be deemed to be withdrawn and you shall be liable to prosecution without further notice.

Dated this 29th day of January, 1985.

PRESIDENT OF THE DISTRICT COUNCIL,  
KOTA TINGGI

SECOND SCHEDULE

Type of Refuse	Fee Payable
Garden refuse .....	\$40.00 per lorry.
Industrial waste .....	\$40.00 per lorry.
Permit for industrial waste .....	\$30.00 per month per lorry and \$2.00 per trip where its maximum permissible laden weight is below 5 tons or \$3.00 im above 5 tons.
Derelict vehicle .....	Actual cost or minimum cost of \$80.00 per vehicle.

Made this 29th day of January, 1985.  
[(4) MDKT/AM/86-1F.]

PRESIDENT OF THE DISTRICT COUNCIL,  
KOTA TINGGI

Confirmed this 23rd day of February, 1985.  
[KT. 14/17/11.]

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD,  
DPMJ., DGSM., PJS.  
Menteri Besar, Johore